

## REVOLUSI DALAM LIPATAN HTAMEIN: KUASA SIMBOLIK WANITA MYANMAR (2021-2024)

(REVOLUTION IN THE HTAMEIN FOLD: THE SYMBOLIC POWER OF MYANMAR'S WOMEN (2021-2024))

TINGKAS, E. B.<sup>1</sup> – DE SILVA, M.<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Sabah, Malaysia.*

*\*Penulis penghubung  
e-mail: maureend[at]ums.edu.my*

(Received 20<sup>th</sup> November 2025; revised 28<sup>th</sup> February 2026; accepted 11<sup>th</sup> March 2026)

**Abstrak.** Artikel ini menganalisis “Revolusi Htamein” pascakudeta Myanmar 2021 sebagai bentuk penentangan simbolik wanita terhadap rejim tentera. Htamein, kain tradisional wanita Burma, secara historis diposisikan dalam kerangka patriarki dan dikaitkan dengan kepercayaan bahawa lelaki akan kehilangan hpone (kuasa spiritual maskulin) jika melaluinya. Wanita Myanmar memanfaatkan simbol ini dengan menggantung htamein di jalan-jalan utama sebagai strategi protes yang melemahkan moral aparat keselamatan dan membuka ruang taktikal bagi penunjuk perasaan. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis wacana kritikal berasaskan sumber primer, termasuk laporan rasmi dan berita atas talian yang mendokumentasikan pengalaman langsung wanita dalam Spring Revolution 2021–2024, serta sumber sekunder, seperti karya teori dan historiografi (Butler, Mohanty, Scott, Enloe) yang menyediakan kerangka analisis gender, kuasa dan penentangan. Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan htamein bukan sahaja mendedahkan keretakan dalam ideologi patriarki, tetapi juga menegaskan peranan wanita sebagai agen perubahan politik aktif. Fenomena ini memperlihatkan bagaimana simbol budaya yang sebelum ini mengekang wanita dapat digunakan semula sebagai senjata politik yang kreatif dan subversif. Antara 2021–2024, kuasa simbolik htamein berkembang menjadi naratif transformatif yang memperkukuh solidariti gender, mencabar hegemoni patriarki, dan menandai fasa baharu emansipasi wanita dalam gerakan pro-demokrasi Myanmar.

**Katakunci:** *Myanmar, htamein, simbolisme, protes, emansipasi wanita*

**Abstract.** This article analyses the “Htamein Revolution” following Myanmar’s 2021 military coup as a form of symbolic resistance by women against the authoritarian regime. Htamein, the traditional Burmese women’s skirt, has historically been positioned within a patriarchal framework and associated with the belief that men would lose hpone (masculine spiritual power) if they crossed it. Women in Myanmar repurposed this cultural symbol by hanging htamein in public streets as a protest strategy that undermined the morale of security forces while creating tactical space for demonstrators. The study employs a critical discourse analysis approach, drawing on primary sources, including official reports and online news documenting women’s direct experiences during the Spring Revolution (2021–2024), as well as secondary sources, such as theoretical and historiographical works (Butler, Mohanty, Scott, Enloe) providing frameworks for analysing gender, power, and resistance. Findings indicate that the use of htamein not only exposes cracks in entrenched patriarchal ideology but also affirms women’s role as active political agents. The phenomenon demonstrates how cultural symbols previously constraining women can be creatively and subversively reappropriated as instruments of political struggle. Between 2021 and 2024, the symbolic power of htamein evolved beyond street protests into a transformative narrative that strengthened gender solidarity, challenged patriarchal hegemony, and marked a new phase of women’s emancipation in Myanmar’s pro-democracy movement.

**Keywords:** *Myanmar, htamein, symbolism, protest, women emancipation*

## **Pengenalan**

Pada 1 Februari 2021, Myanmar sekali lagi berada di bawah pemerintahan junta tentera selepas rampasan kuasa yang menggulingkan kerajaan awam pimpinan National League of Democracy (NLD) yang diketuai oleh Aung San Suu Kyi. Tindakan autoritarian ini mencetuskan gelombang besar penentangan rakyat, dikenali sebagai Civil Disobedience Movement (CDM), yang disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat, termasuk wanita, pelajar, petugas kesihatan, guru, dan aktivis akar umbi. Dalam landskap perjuangan ini, wanita Myanmar tampil sebagai agen penting, bukan sahaja melalui penyertaan langsung di jalanan, tetapi juga melalui strategi simbolik yang mencabar struktur patriarki dan autoritarianisme. Salah satu ekspresi simbolik paling menonjol dan dijadikan sebagai senjata ampuh oleh golongan wanita ialah penggunaan htamein, sejenis kain sarung tradisional wanita Myanmar, sebagai alat penentangan dalam menyuarakan protes. Htamein yang selama ini melambangkan kesopanan, kehormatan, dan kod budaya feminin, telah dimobilisasi sebagai medium gangguan psikologi terhadap tentera lelaki Myanmar, yang percaya bahawa berjalan di bawah pakaian wanita akan melemahkan 'kuasa maskulin' mereka. Dalam pelbagai bentuk, htamein digantung merentangi jalan, dipaparkan dalam seni protes digital, atau dikenakan secara provokatif di ruang awam dan htamein menjadi simbol yang subversif dan membebaskan.

Artikel ini bertujuan menganalisis peranan simbolik htamein dalam revolusi pascakudeta Myanmar antara tahun 2021 hingga 2024, dengan memberi tumpuan kepada bagaimana wanita menggunakan pakaian tradisional ini untuk menyuarakan penentangan, menentang stigma budaya, dan menuntut ruang agensi dalam pergelutan politik. Kajian ini berpijak pada kerangka aliran feminisme pascakolonial dan elemen simbolisme budaya, serta memanfaatkan analisis visual dan wacana daripada bahan media, seni protes, dan naratif aktivis wanita Myanmar sendiri. Dengan meneliti transformasi htamein daripada objek domestik kepada alat penentangan visual dan politik, artikel ini akan menunjukkan bagaimana wanita Myanmar tidak sekadar berjuang sebagai individu, tetapi juga sebagai pencipta makna dan simbol dalam revolusi yang belum selesai. Htamein, yang pada mulanya berfungsi sebagai pakaian harian yang berkaitan dengan ruang domestik dan feminin, telah digerakkan semula untuk menentang struktur patriarki serta autoritarianisme tentera. Perubahan fungsi ini menegaskan bagaimana simbol budaya yang dianggap remeh atau subordinat boleh direkontekstualisasi menjadi sumber kuasa politik dan tanda kebangkitan kolektif. Proses ini membuktikan bahawa revolusi bukan sahaja medan pertempuran bersenjata, tetapi juga ruang wacana di mana makna dan simbol dipertarungkan. Dengan cara ini, wanita Myanmar tampil bukan sekadar sebagai peserta pasif, sebaliknya sebagai aktor budaya dan politik yang mampu mengubah bahan harian menjadi ikon perlawanan transformatif.

## ***Sorotan literatur***

### ***Feminisme pascakolonial & simbolisme budaya***

Dalam konteks Myanmar, feminisme sering disalahtafsirkan sebagai suatu ideologi yang mendorong dominasi wanita ke atas lelaki. Salah tanggapan ini berpunca daripada persepsi konservatif yang melihat feminisme sebagai ancaman terhadap struktur sosial tradisional yang berteraskan patriarki (Than et al., 2018). Walhal, pada asasnya feminisme menuntut kesaksamaan gender, pengiktirafan hak wanita, serta peluang yang

adil dalam ruang sosial, politik dan ekonomi. Salah faham ini juga diperkukuh oleh wacana negara dan agama yang berpengaruh dalam membentuk pemikiran masyarakat, sehingga perjuangan wanita untuk mendapatkan ruang partisipasi politik atau keadilan sosial sering ditafsirkan sebagai penentangan terhadap budaya dan nilai tradisi. Oleh itu, memahami salah tafsir terhadap feminisme di Myanmar penting bagi menganalisis bagaimana perjuangan wanita tempatan berkembang, serta bagaimana mereka menyesuaikan strategi perjuangan agar tidak dilihat bertentangan dengan identiti nasional dan agama majoriti. Rejim pemerintah Myanmar telah lama menafikan hak asasi manusia, bukan sahaja terhadap wanita dan kanak-kanak, tetapi juga terhadap keluarga secara keseluruhan serta sebahagian besar rakyatnya, keadaan ini lebih ketara apabila melibatkan kumpulan etnik minoriti dan golongan terpinggir lain, yang secara sistematik berdepan dengan diskriminasi, penindasan, serta kegagalan perlindungan negara (Othman, 2004). Keberterusan penafian ini mencerminkan bukan sahaja sifat autoritarian rejim, tetapi juga kegagalan struktur politik Myanmar dalam menjamin kesaksamaan, keadilan sosial, dan perlindungan hak asasi sejagat.

Lebih daripada itu, pengaruh patriarki di Myanmar tidak bersifat homogen yang mana ia beroperasi secara kompleks merentasi pelbagai kumpulan etnik dan agama, dengan setiap komuniti mengekspresikan bentuk pengawalan terhadap wanita yang unik berdasarkan tradisi, kepercayaan, dan struktur sosial mereka. Wanita di Myanmar secara tradisional digambarkan sebagai ibu, penjaga, dan isteri, dengan peranan mereka sering dihadkan kepada sfera domestik. Gambaran ini bukan sahaja mengekang keterlibatan wanita dalam ruang awam, tetapi juga mengukuhkan norma patriarki yang meminggirkan suara mereka daripada wacana politik dan proses membuat keputusan yang mengakibatkan wanita dianggap sebagai penyokong pasif kepada struktur kuasa sedia ada, sedangkan peranan mereka sebagai agen perubahan sosial dan politik sering diabaikan (Marlar dan Chambers, 2023). Oleh itu, kedudukan wanita Myanmar harus difahami bukan hanya dalam kerangka nasional yang monolitik, tetapi juga dalam konteks persilangan identiti etnik, agama, dan kelas yang menjadikan pengalaman penindasan mereka berlapis dan beragam. Dalam usaha memahami bagaimana htamein menjadi alat simbolik perjuangan wanita Myanmar, pendekatan interdisiplinari perlu digunakan, merangkumi elemen feminisme pascakolonial, simbolisme budaya, dan kajian visual feminis. Gabungan ini membolehkan analisis yang lebih mendalam terhadap bagaimana kuasa, gender, budaya dan penindasan saling berinteraksi dalam konteks politik Myanmar pasca kudeta. Pertama, elemen feminisme pascakolonial memberi kerangka untuk menilai bagaimana sejarah kolonialisme, nasionalisme, dan patriarki tempatan membentuk identiti gender di Myanmar.

Feminisme pascakolonial mengkritik naratif feminisme Barat yang sering mengabaikan pengalaman wanita Asia Tenggara, sebaliknya menekankan bagaimana warisan kolonial British dan autoritarianisme pasca-merdeka mempengaruhi tubuh, agensi, serta representasi wanita. Ikeya (2006) menyatakan bahawa pentadbir kolonial British, yang sebelumnya dipengaruhi oleh pengalaman mereka dengan amalan sosial India seperti sati, memberikan tafsiran kedudukan wanita Burma sebagai kelihatan relatif dan lebih menguntungkan tetapi pada hakikatnya bersifat kabur dan problematik. Namun, dalam menerima serta mengulang penilaian ini, pihak British telah menyingkirkan dan mengabaikan tradisi asli yang telah lama wujud, yang meletakkan posisi wanita bukan sahaja sebagai figura berbahaya atau 'spiritual tempters', tetapi juga sebagai unsur yang berpotensi menggugat keseimbangan kehidupan lelaki (Ikeya, 2006). Berdasarkan konteks ini, penggunaan htamein sebagai senjata protes bukan

sahaja menentang struktur patriarki moden di bawah junta tentera, tetapi juga melawan warisan kuasa kolonial yang telah menormalisasikan subordinasi wanita. Melalui kerangka simbolisme budaya, htamein dapat difahami bukan sekadar sebagai pakaian tradisional, tetapi sebagai teks budaya yang sarat makna. Dalam tradisi Myanmar, htamein sering dianggap sebagai lambang kerendahan martabat wanita serta dikaitkan dengan kepercayaan bahawa lelaki akan kehilangan hpon (kuasa spiritual maskulin) apabila melaluinya. Namun, dalam konteks protes pasca-kudeta, wanita menggantung htamein di jalan-jalan utama sebagai benteng simbolik, menjadikannya strategi subversif yang mempermalukan pihak tentera dan membongkar keretakan ideologi patriarki seperti yang disebutkan.

Pada 8 Mac 2021, bersempena International Women's Day, landskap protes di Myanmar memperlihatkan satu bentuk perlawanan yang luar biasa kreatifnya dan sarat makna simbolik. Di jalan-jalan utama beberapa bandar, deretan pakaian berwarna-warni terbentang merentasi ruang awam, membentuk semacam "tembok kain" yang sertamerta menarik perhatian. Di antara pakaian-pakaian itu, yang paling menonjol ialah htamein atau pun kain sarung tradisional yang secara budaya dikaitkan dengan wanita Myanmar dan kehidupan domestik mereka (Gaborit, 2021). Proses ini memperlihatkan bagaimana simbol budaya yang dulunya berfungsi untuk mengekang wanita, boleh ditafsir semula sebagai kuasa politik yang membebaskan dan menjadi simbol kepada perjuangan wanita Myanmar. Wanita dalam Spring Revolution telah melangkaui batasan peranan jantina tradisional dengan melibatkan diri dalam latihan separa tentera serta aktiviti di barisan hadapan (Wai, 2024). Penglibatan mereka bukan sahaja mendedahkan sifat konstruktif norma gender, tetapi juga menegaskan solidariti dengan sekutu lelaki dalam perjuangan menentang ketidaksamaan gender, keganasan seksual, dan dominasi ketenteraan. Usaha ini turut ditandai oleh kaedah inovatif, termasuk "Sarong Revolution" yang memperlihatkan kreativiti dan keberanian wanita dalam mengubah simbol budaya menjadi alat perlawanan politik. Elemen feminisme pascakolonial menekankan pentingnya membaca pengalaman wanita bukan Barat melalui kerangka yang tidak terikat kepada dominasi naratif feminisme para orientalis Barat demikian menurut Mohanty (2005). Wanita Myanmar berdepan dengan bentuk penindasan yang berlapis seperti penjajahan, ketenteraan, agama, dan patriarki yang memerlukan tafsiran tersendiri berdasarkan konteks lokal. Dalam hal ini, tindakan wanita Myanmar memanfaatkan htamein sebagai simbol perlawanan yang mencerminkan strategi emansipasi yang unik, bersandarkan kepada realiti budaya dan sejarah mereka sendiri.

Pendekatan simbolisme budaya seperti yang diketengahkan oleh Geertz (1973) dan melihat budaya sebagai sistem makna di mana objek, tindakan dan ritual menjadi "teks sosial" yang boleh dibaca dan ditafsirkan (Geertz, 1973). Dalam konteks ini, htamein bukan sekadar pakaian tetapi merupakan satu lambang makna yang kompleks iaitu ia melambangkan kesopanan, kehormatan feminin, dan tabu berkait "kekotoran" wanita (Ferguson, 2023). Apabila wanita menggantung htamein di ruang awam sebagai penghalang tentera, mereka bukan sahaja mencabar fizikal sistem kuasa, tetapi juga menyerang struktur nilai patriarki yang telah berakar umbi dalam masyarakat Myanmar sejak sekian lama. Elemen visual feminis memberi tumpuan kepada bagaimana tubuh wanita dan simbol yang berkait dengannya digunakan untuk menentang dominasi kuasa lelaki dalam ruang awam. Di bawah rejim autoritarian, tubuh wanita sering kali dikawal dan dilihat sebagai ancaman apabila berada di ruang publik. Tindakan wanita Myanmar yang menayangkan htamein sebagai objek politik

membalikkan pandangan stereotaip ini dan memberikan tubuh wanita kuasa visual dan politik. Hal ini selari dengan konsep “politics of visibility”, di mana tindakan memperlihatkan sesuatu yang selama ini disembunyikan (seperti haid atau pakaian dalam wanita) boleh menjadi bentuk protes yang radikal. Wanita di Myanmar tidak hanya menentang stereotaip sosial yang memposisikan mereka sebagai subordinat atau ‘gender kedua’ tetapi juga berusaha memecahkan hegemoni kepimpinan yang secara tradisinya dimonopoli oleh kaum lelaki (Wai, 2024). Di Myanmar, tubuh wanita secara sejarah telah ditempatkan sebagai simbol pembawa budaya keluarga dan negara. Mereka dipertanggungjawabkan untuk melindungi budaya daripada pengaruh asing serta memastikan kelangsungan bangsa melalui perkahwinan dalam kalangan amyó (komuniti etnik) mereka. Namun, kedudukan ini secara tidak langsung memperkukuh beban patriarki kerana wanita sering dianggap hanya sebagai penjaga kehormatan bangsa dan tradisi, bukannya sebagai subjek politik yang berdaulat (Mra dan Hedström, 2024).

### **Instrumen dan Metod Kajian**

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan sejarah sosial yang menekankan pengalaman dan naratif wanita sebagai aktor utama dalam sejarah emansipasi di Myanmar. Pendekatan ini memberi perhatian kepada pengalaman masyarakat dari bawah (history from below) seperti yang disarankan oleh Burke (2005) dalam buku beliau *History and Social Theory*, dengan meneliti laporan organisasi berkaitan wanita, media alternatif, laporan hak asasi manusia, buku dan jurnal akademik berkaitan perjuangan wanita Myanmar menentang penindasan rejim sebagai sumber primer dan sekunder. Dari sudut analisis, metodologi ini menyoroti bagaimana struktur patriarki, norma budaya seperti konsep hpon, serta ketidakadilan sosial, ekonomi dan politik membentuk kehidupan wanita, sambil menekankan bagaimana mereka bertindak balas melalui pelbagai bentuk penentangan, jaringan solidariti, dan aktivisme dan pada akhirnya menggunakan htamein sebagai senjata yang berkuasa untuk melakukan penentang dalam siri kebangkitan terkini semenjak rampaasan kuasa oleh junta pada tahun 2021. Dengan menghubungkan dimensi mikro seperti pengalaman harian wanita dengan struktur makro seperti autoritarianisme, konflik bersenjata, dan perubahan politik, pendekatan sejarah sosial ini membolehkan naratif yang lebih inklusif dan kritikal dibina, sekaligus menyingkap sisi alternatif sejarah yang menampilkan wanita sebagai agen perubahan disebalik lipatan htamein, bukan sekadar subjek pasif dalam kerangka negara dan kuasa elit namun sebagai suara, simbol perjuangan yang masih lagi diteruskan sehingga pada hari ini.

### ***Htamein: Antara tradisi dan simbol politik***

Htamein ialah sejenis kain sarung tradisional wanita Myanmar yang dipakai melilit dari pinggang ke kaki, biasanya diperbuat daripada kapas atau sutera dengan corak yang mencerminkan etnik, status sosial, dan kedudukan gender. Dalam budaya Myanmar, htamein bukan sahaja berfungsi sebagai pakaian harian tetapi juga sebagai simbol kesopanan, kehormatan wanita, dan penjagaan maruah keluarga. Ia diatur dengan teliti dan dipakai dengan penuh adat, mencerminkan struktur budaya patriarki yang menjadikan tubuh wanita sebagai tapak kawalan moral dan sosial. Penggunaan htamein turut diatur oleh kod budaya yang ketat, termasuk kepercayaan bahawa pakaian wanita terutama yang bersentuhan dengan tubuh bahagian bawah atau haid mengandungi

“kotoran” spiritual yang boleh menghapuskan hpon, iaitu kuasa lelaki yang dianggap suci dan berkuasa dalam hierarki budaya Myanmar. Secara umum, budaya arus perdana di Myanmar seperti juga dalam banyak masyarakat lain di rantau ini menganggap alat kelamin wanita dan darah haid sebagai sesuatu yang kotor serta mencemarkan. Oleh itu, ia sering dilihat menjijikkan, terlarang, dan diperlakukan dengan penuh penghinaan akibatnya pakaian wanita seperti skirt, pakaian dalam, dan pad haid turut membawa bersama stigma pantang larang tersebut melalui hubungan atau pergaulan (Ferguson, 2023). Di beberapa kompleks stupa dan kuil Buddha, misalnya, papan tanda jelas melarang wanita daripada memasuki kawasan tertentu, berasaskan kepercayaan bahawa tubuh wanita mempunyai sifat jahat atau kuasa mencemar yang berpotensi merosakkan kesucian peninggalan suci. Kepercayaan ini mengukuhkan lagi pengasingan gender serta menjustifikasikan peminggiran wanita dalam bidang politik, agama, dan kepimpinan masyarakat, di Thailand, Sri Lanka, dan India, kedua-dua gender mempunyai akses yang sama tanpa sebarang sekatan (GEN, 2015). Namun, keadaan ini berbeza di Myanmar, di mana akses sedemikian tidak diberikan secara setara. Perbezaan ini mencerminkan tafsiran budaya dan keagamaan yang unik di Myanmar, khususnya kepercayaan yang mengaitkan tubuh wanita dengan unsur pencemaran rohani, sekali gus memperkukuh dominasi patriarki dalam ruang keagamaan dan sosial.

Dalam konteks masyarakat Myanmar, tubuh wanita dan pakaian yang melitupinya sering menjadi tapak kawalan budaya dan moral. Larangan terhadap wanita berada di tempat suci, pengasingan semasa haid, serta stigma terhadap pakaian dalam wanita mencerminkan bagaimana feminisme dikaitkan dengan ketidaksucian dan perlu “dijaga”. Kawalan terhadap htamein melangkaui aspek fizikal ia merangkumi dimensi simbolik tentang kedudukan wanita dalam sistem sosial yang lebih besar. Dari perspektif antropologi feminis, pantang larang ini bukan sahaja bersifat ritual, tetapi juga berfungsi sebagai mekanisme sosial untuk mengekalkan hegemoni patriarki dengan mendefinisikan tubuh wanita sebagai ‘lain’ (other), sekaligus menghadkan ruang penyertaan mereka dalam domain agama, politik, dan budaya. Dengan kata lain, pengkategorian tubuh wanita sebagai pencemar berperanan penting dalam melanjutkan hierarki gender dan menginstitusikan dominasi lelaki dalam struktur masyarakat Myanmar. Golongan wanita di Myanmar sering digambarkan sebagai penyokong atau penjaga moral, tetapi jarang diiktiraf sebagai agen perubahan. Di Myanmar, sebagaimana di banyak negara lain, wanita secara meluas dianggap sebagai pembawa atau pelindung budaya. Norma budaya yang dikaitkan dengan wanita sering menekankan kesopanan, kelembutan, dan keanggunan. Dalam perbincangan mengenai norma jantina bersama anggota masyarakat, senarai norma dan kod tingkah laku yang dikaitkan dengan wanita lazimnya lebih panjang serta lebih kerap diketengahkan berbanding dengan norma yang dikenakan terhadap lelaki. Htamein, dalam bentuk tradisionalnya, mengekalkan imej wanita sebagai pasif, domestik, dan subordinat. Namun begitu, htamein juga membawa potensi subversif yang luar biasa.

### ***Simbolisme Htamein dalam protes 2021–2024***

Pada hari-hari selepas rampasan kuasa, golongan wanita dari pelbagai peringkat umur serta merentasi latar belakang etnik, sosioekonomi, dan agama tampil berhimpun menentang pengambilalihan tentera. Gerakan ini tidak hanya digerakkan oleh aktivis masyarakat sivil berpendidikan tinggi di kawasan bandar, tetapi turut disertai oleh pekerja kilang, guru, dan golongan profesional kesihatan, sektor-sektor yang secara tradisinya banyak dikuasai oleh wanita, keterlibatan wanita daripada sektor ini

mempunyai makna politik yang besar (Marlar dan Chambers, 2023). Pekerja kilang, misalnya, khususnya dalam industri tekstil, telah lama menjadi tulang belakang ekonomi Myanmar, tetapi sering berdepan dengan eksploitasi buruh dan diskriminasi jantina. Guru pula memainkan peranan penting bukan hanya dalam bidang pendidikan, tetapi juga sebagai agen sosial yang berpengaruh dalam membentuk kesedaran politik masyarakat, sementara golongan profesional kesihatan berada di barisan hadapan ketika krisis COVID-19, menjadikan protes mereka terhadap rejim tentera sebagai penegasan terhadap ketidakadilan struktur yang merentasi bidang kesihatan dan politik. Oleh itu, penyertaan mereka mencerminkan bukan sahaja penolakan terhadap kudeta, tetapi juga penentangan terhadap sistem patriarki dan authoritarianisme yang selama ini mengekang hak, kebebasan, serta kesejahteraan wanita di Myanmar.

Sejak teretusnya Civil Disobedience Movement (CDM) susulan rampasan kuasa tentera Myanmar pada Februari 2021, golongan wanita telah memainkan peranan utama dalam mencorakkan bentuk-bentuk penentangan yang kreatif dan berani. Salah satu tindakan yang paling mencuri perhatian ialah penggunaan htamein sebagai penghadang jalan yang digantung merentangi lorong, dinding, dan tiang-tiang elektrik, bertujuan untuk melambatkan kemaraan tentera. Tindakan menggantung htamein di jalan-jalan seluruh Myanmar dari Yangon, Mandalay, dan Naypyitaw hingga ke wilayah Kayin, Kayah, dan Mon, tindakan menukarkan objek domestik kaum wanita kepada perisai politik telah menjadi senjata ampuh yang mampu mendatangkan ketakutan terhadap golongan Tatmadaw (golongan tentera Myanmar) (Marlar dan Chambers, 2023) (*Rajah 1*). Dalam masyarakat Myanmar, ramai lelaki termasuk anggota tentera percaya bahawa berjalan di bawah pakaian wanita, terutamanya htamein, boleh mengurangkan hpon (kuasa maskulin rohani mereka). Wanita Myanmar memanfaatkan kepercayaan ini untuk melemahkan psikologi tentera secara simbolik. Tindakan ini bukan sahaja mencabar kuasa ketenteraan secara langsung, malah mempersendakan akar budaya patriarki yang cuba menundukkan wanita melalui kod moral berkaitan tubuh dan pakaian mereka (Gaborit, 2021). Selain itu, para penentang kudeta menggunakan strategi simbolik dengan meletakkan potret Min Aung Hlaing di jalanan, hal ini bukan sahaja memperlahankan pergerakan tentera yang enggan melangkahinya, tetapi juga secara sengaja mencabar kepercayaan tradisional tentang hpon (aura atau dominan), sekali gus mendedahkan rapuhnya kuasa simbolik patriarki yang menjadi asas legitimasi rejim (Jordt et al., 2021).



*Rajah 1. Penunjuk perasaan membuat penghadang di seberang jalan dengan pakaian tradisional di Yangon pada 3 Mac 2021.*

Pernyataan ini juga senada dengan apa yang ditegaskan oleh El Said, Meari, dan Pratt (2015) dalam artikel mereka berkaitan tentang revolusi yang berlaku di dunia Arab, bahawa “tubuh wanita menjadi alat penentangan yang sangat kuat terhadap golongan diktator, kolonialisme, dan patriarki” (El Said et al, 2015). Oleh itu, penglibatan meluas golongan wanita Myanmar dalam siri gerakan penentangan khususnya seperti yang berlaku di Myanmar pada ketika ini iaitu melaksanakan tindakan yang radikal dan mengganggu status quo demi meneruskan agenda revolusioner yang egalitarian telah memberikan kesan yang nyata dari segi material, sosial, dan politik (Mra dan Hedström, 2024). Penggunaan htamein sebagai simbol perlawanan melangkaui ruang fizikal. Di media sosial, para aktivis dan artis visual mula menghasilkan poster, ilustrasi digital, dan meme yang menggambarkan htamein sebagai bendera revolusi, sayap kebebasan, atau dinding pelindung terhadap peluru dan kekerasan. Melalui sokongan platform media sosial, protes htamein telah berfungsi sebagai cabaran langsung terhadap peranan gender tradisional yang dilekatkan kepada wanita dalam masyarakat dan politik Myanmar, pada masa yang sama, ia menegaskan peranan golongan wanita sebagai penggerak politik yang aktif dalam perjuangan kolektif untuk kebebasan dan keadilan (Marlar dan Chambers, 2023).

Tindakan mempamerkan htamein di ruang awam juga bertujuan untuk membalikkan makna sosialnya. Di Myanmar, pakaian dalam dan pakaian wanita dianggap memalukan jika dipertontonkan secara terbuka namun dalam revolusi, wanita menolak naratif ini dengan menyatakan bahawa rasa malu bukan milik mereka tetapi milik mereka yang menyalahgunakan kuasa. Kesan dinamik jantung ini dapat dilihat melalui protes htamein, pengalaman keganasan berasaskan gender, dan bentuk aktivisme dalam talian, yang bersama-sama memperlihatkan bagaimana dan mengapa tubuh wanita telah menjadi medan perebutan yang begitu signifikan dalam menghadapi pemerintahan tentera (Mra dan Hedström, 2024). Di pasar malam dan kawasan perumahan, penduduk menggantung ratusan htamein sebagai simbol bahawa penindasan tidak akan berlaku begitu sahaja. Tindakan ini melahirkan bentuk baru “politik visual” yang memanipulasi

simbol tradisional untuk menyatakan kekuatan, maruah, dan perjuangan menentang penindasan. Junta tentera menganggap tindakan ini sebagai penghinaan, beberapa laporan menyatakan wanita yang menggantung htamein ditahan dan disiasat atas tuduhan “menghina nilai moral” dan “menghasut”. Namun tindakan keras ini hanya menambahkan lagi makna simbolik pada htamein iaitu menjadikannya bukan hanya lambang feminin, tetapi juga lambang ketakutan rejim terhadap emansipasi wanita. Kerajaan junta memberikan respon dengan menjadikan tubuh wanita sebagai pusat naratif serta dasar negara yang kononnya bertujuan untuk “melindungi” negara daripada ancaman asing dan perpecahan dalaman dan ini secara jelas memberikan gambaran akan kekhawatiran kerajaan rejim terhadap kebangkitan kumpulan penentang daripada kalangan wanita.

Respon awal pihak tentera menumpukan kepada “ketidakwajaran” tindakan penunjuk perasaan wanita, khususnya dengan menuduh mereka berpakaian tidak sesuai dengan budaya. Dalam sebuah ucapan yang disiarkan hanya beberapa minggu selepas peristiwa kudeta, Jeneral Min Aung Hlaing, ketua junta, berusaha mendisiplinkan dan mengawal tingkah laku wanita dengan merujuk kepada nilai-nilai yang didakwanya tradisional, sambil mengkritik mereka yang memakai pakaian tidak senonoh yang bertentangan dengan budaya Myanmar. Perbuatan sebegini berniat merosakkan moral masyarakat, maka tindakan undang-undang adalah perlu untuk diambil dalam mengekang kumpulan penentang kerajaan seperti yang dilaporkan oleh *The Global New Light of Myanmar* pada 2 Mac 2021 (akhbar ini merupakan hak milik kerajaan rejim yang diletakkan dibawah Kementerian Penerangan dan dijadikan sepenuhnya sebagai medium propaganda oleh junta). Askar Tatmadaw telah lama menggunakan keganasan seksual sebagai senjata untuk merendahkan dan menyiksa wanita. Laporan yang dikeluarkan mendokumentasikan sebanyak 59 kes keganasan seksual, termasuk 36 kes serangan seksual serta 23 kes keganasan rumah tangga dan eksploitasi seksual, yang dilakukan bukan sahaja oleh tentera, tetapi juga oleh kumpulan penentang bersenjata dan orang awam (Mohanty, 2005). Rejim yang memerintah Myanmar tidak berkongsi pandangan bahawa konsep keselamatan negara seharusnya merangkumi perlindungan dan kesejahteraan rakyatnya. Sebaliknya, keselamatan ditafsirkan semata-mata dari sudut kestabilan politik dan kelangsungan kuasa elit pemerintah, tanpa mengambil kira hak asasi manusia, pembangunan sosial, mahupun kesejahteraan masyarakat umum (Othman, 2004). Penekanan yang berat sebelah ini mencerminkan bagaimana rejim mengabaikan tanggungjawab asas sebuah negara moden, iaitu memastikan keselamatan warganya melalui pemeliharaan maruah, keadilan, dan hak-hak kemanusiaan sejagat.

Malah, pemerhatian di lapangan menunjukkan bahawa kebanyakan wanita hadir ke demonstrasi hanya berpakaian harian biasa, namun begitu wacana umum memperlihatkan bahawa kehadiran golongan wanita di ruang awam dianggap sebagai ancaman terhadap susunan moral dengan cara yang tidak berlaku terhadap golongan lelaki. Naratif ini turut diperkukuh melalui siaran di media sosial, sama ada oleh kumpulan pro-tentera mahupun anti-tentera, yang menyasarkan bukan sahaja wanita penunjuk perasaan tetapi juga wanita yang tidak secara aktif menentang kudeta, dengan menggambarkan mereka sebagai tidak bermoral atau rambang seksual. Di sebalik risiko besar, golongan wanita meneruskan gerakan ini kerana mereka sedar bahawa perjuangan terhadap rejim bersifat sistemik dan simbol seperti htamein memainkan peranan penting dalam memperluas medan perlawanan di luar kekerasan fizikal. Protes aman itu bagaimanapun dengan cepat bertukar menjadi konfrontasi ganas dengan pihak berkuasa tentera dan apabila keganasan semakin memuncak, ramai rakyat terpaksa

melarikan diri, malah dalam beberapa keadaan memilih untuk mengangkat senjata pada bulan Mac dan April 2021 (Mra dan Hedström, 2024). Dalam konteks ini, golongan belia muncul sebagai barisan hadapan revolusi, bukan sahaja dengan mempertaruhkan tubuh dan nyawa mereka demi generasi akan datang, tetapi juga meneruskan tradisi panjang gerakan mahasiswa dan anak muda Myanmar yang sejak 1988 menjadi pemangkin utama kebangkitan prodemokrasi di negara itu.

### ***Peranan wanita dan Htamein dalam wacana emansipasi***

Penggunaan htamein dalam revolusi 2021–2024 menandakan proses reclaiming meaning (pengambilalihan makna), di mana wanita Myanmar mengubah fungsi asal pakaian tradisional daripada simbol kepatuhan kepada simbol perlawanan. Jika sebelumnya htamein melambangkan domestikasi dan subordinasi, kini ia tampil sebagai tanda keberanian, kreativiti, dan emansipasi. Proses ini menunjukkan bagaimana wanita mampu memanfaatkan objek budaya yang dianggap “biasa” untuk menghasilkan makna politik yang radikal. Dalam sejarah Myanmar, wanita sering kali diposisikan sebagai “penyokong moral” atau ikon nasional tanpa agensi politik yang jelas. Namun, melalui htamein, wanita bukan sahaja menuntut ruang untuk didengari tetapi juga untuk dilihat. Kehadiran mereka di jalan raya, di media sosial, dan dalam seni visual menegaskan bahawa wanita ialah pelaku sejarah, bukan sekadar simbol pasif. Dengan menjadikan tubuh dan pakaian mereka sebagai alat perjuangan, wanita Myanmar merentasi sempadan antara ruang domestik dan ruang politik. Simbolisme htamein turut membentuk jaringan solidariti di dalam dan luar Myanmar. Di kalangan diaspora, imej htamein dikongsi dalam protes di Bangkok dan bandar-bandar lain di mana masyarakat Myanmar berhimpun. NGO feminis serantau juga mengangkat htamein sebagai lambang universal penentangan terhadap penindasan jantina. Hal ini memperlihatkan bagaimana simbol tempatan boleh bergabung di peringkat global, menghasilkan wacana feminis Asia Tenggara yang lebih inklusif. Wacana mengenai diaspora sering menekankan kerinduan dan keinginan untuk kembali ke tanah air.

Walaupun terdapat kumpulan pelarian atau buangan politik yang akhirnya memutuskan hubungan, menerima kewarganegaraan baharu, dan berasimilasi dengan kehidupan di tempat baharu, masih terdapat komuniti diaspora lain yang mengekalkan ikatan emosi yang mendalam dengan tanah asal mereka, sambil menaruh harapan untuk suatu hari kembali seperti yang disebutkan oleh Egroteau (2012). Dalam kempen atas talian, aktivis wanita melukis wajah mereka dengan simbol darah dan lebam sebelum menyiarkan gambar tersebut di media sosial (Mra dan Hedström, 2024). Tindakan ini mencabar naratif dominan yang meletakkan tubuh wanita semata-mata sebagai simbol ketidaksihelamatan dan keganasan. Sebaliknya, aktivis wanita menegaskan bahawa tubuh mereka adalah ruang penolakan, perlawanan, dan kemungkinan membawa kepada perubahan sosial yang menunjukkan ketidakgentaran golongan wanita terhadap junta. Htamein akhirnya melangkaui fungsinya sebagai pakaian, ia menjadi bahasa visual yang menghubungkan tuntutan emansipasi wanita dengan perjuangan demokrasi yang lebih luas. Melalui simbol ini, wanita Myanmar menolak anggapan bahawa perjuangan mereka terpisah daripada perjuangan nasional. Sebaliknya, mereka menegaskan bahawa emansipasi wanita ialah inti daripada proses demokratisasi itu sendiri dan dalam hal ini, htamein bukan sekadar lambang perlawanan, tetapi juga manifestasi visi masa depan Myanmar yang lebih egalitarian.

Taktik kreatif sebegini bukan sahaja mencerminkan strategi protes tanpa kekerasan yang bijak, tetapi juga menonjolkan perbezaan ketara dalam norma gender antara

gerakan protes dan Tatmadaw. Jika Tatmadaw terus berpegang pada kepercayaan tradisional yang lapuk, gerakan protes yang digerakkan oleh wanita Myanmar sebaliknya telah mencabar dan mengangkat persoalan kepercayaan tersebut ke tahap baharu dalam konteks masyarakat Myanmar. Takrifan ini masih berasaskan andaian binari yang memisahkan antara “lelaki” dan “wanita” Walaupun penting untuk mengiktiraf bahawa jantina merupakan satu pembinaan budaya, pemahaman yang lebih radikal terletak pada konsep performativity jantina yang diperkenalkan oleh Judith Butler (Wai, 2024). Dari perspektif teori gender performativity oleh Judith Butler, tindakan menggantung htamein di ruang awam berfungsi sebagai suatu bentuk “persembahan” yang menggugat pemaknaan gender secara patriarki. Dalam konteks yang lebih mudah, identiti gender tidak wujud sebagai suatu hakikat yang tetap sebelum adanya pengalaman sosial. Butler (2021) berhujah bahawa identiti gender terbentuk melalui proses performativiti, iaitu pengulangan perbuatan dan ekspresi gender dalam kehidupan seharian. Identiti gender bukanlah sesuatu yang ditentukan secara biologi semata-mata, sebaliknya bergantung pada penyelenggaraan struktur heteronormativiti. Sebagai contohnya dalam konteks Myanmar, norma heteronormatif digunakan junta untuk menjustifikasikan kawalan terhadap tingkah laku wanita dan menekan peranan jantina yang dianggap menyimpang daripada tradisi. Melalui kerangka ini, Butler mengembangkan pemikiran ahli teori feminis radikal terdahulu yang telah mula mentakrifkan gender dengan lebih bernuansa, termasuk dalam kaitannya dengan seksualiti (Butler, 2021).

Pada masa yang sama, gerakan htamein ini juga dapat dibaca sebagai bentuk “weapons of the weak” (Scott, 1985), iaitu strategi resistensi simbolik yang menggunakan kepercayaan tahyul Tatmadaw terhadap kesucian maskuliniti untuk menentang autoritarianisme tentera. Menurut Scott (1985), salah satu sebab golongan tertindas kelihatan menerima keadaan mereka ialah kerana wujud kepercayaan bahawa kedudukan rendah tersebut bukanlah penentu terakhir atau pun satu-satunya pilihan yang mereka ada namun sebaliknya, mereka meyakini masih ada kemungkinan untuk memperjuangkan kepentingan sendiri dan memperbaiki keadaan hidup mereka secara keseluruhan. Dalam konteks Myanmar, keyakinan ini dapat dilihat melalui gerakan emansipasi wanita yang tidak hanya bersifat pasif, tetapi hadir dalam bentuk “hidden transcripts” seperti yang disebut oleh Scott (1990) dalam buku beliau yang diterbitkan pada tahun 1990 dengan tajuk “Domination and the arts of resistance: Hidden transcripts” iaitu bentuk penentangan terselindung yang mencabar autoritarianisme patriarki. Contohnya, wanita Myanmar menggunakan simbol budaya seperti htamein sebagai strategi simbolik untuk menentang dominasi tentera. Hal ini memperlihatkan bagaimana emansipasi wanita di Myanmar berkembang bukan sekadar melalui tindakan terbuka, tetapi juga melalui ekspresi kreatif yang mencerminkan harapan terhadap perubahan sosial dan politik yang lebih adil. Seperti yang diujahkan oleh Butler dan Trouble (1990), tubuh merupakan tapak performativiti di mana identiti jantina dihasilkan dan dilawan, sementara Enloe (2000) menekankan bahawa rejim autoritarian sering mengawal dan mengeksploitasi tubuh wanita sebagai sebahagian daripada projek militarisme dan nasionalisme (Enloe, 2000). Dalam konteks Myanmar, tubuh wanita bukan sahaja menjadi sasaran kawalan ideologi dan moral junta, tetapi juga dijadikan alat penentangan simbolik yang mengganggu norma patriarki serta menantang keabsahan kuasa tentera.

### ***Kupasan dan perbincangan: Cabaran dan legasi simbolik Htamein (2021-2024 dan seterusnya)***

Sejak bermulanya “revolusi htamein”, junta Myanmar bertindak balas dengan tindakan kekerasan. Wanita yang menggantung atau mempamerkan htamein dalam protes dilaporkan ditahan, dipukul, atau didakwa atas tuduhan “menghina nilai moral” dan “menghasut” seperti yang dinyatakan oleh Jeneral Min Aung Hlaing dalam ucapannya sempena Hari Wanita Sedunia yang dilaporkan dalam *The Global New Light of Burma*, akhbar propaganda rejim pada 9 Mac 2021. Risiko ini membuktikan bahawa simbolisme htamein dianggap serius oleh pihak berkuasa kerana ia menyentuh bukan sahaja aspek politik, tetapi juga akar budaya patriarki yang mereka gunakan untuk mengekalkan kuasa. Dalam tempoh sebulan selepas rampasan kuasa, pihak tentera melancarkan tindakan keras terhadap gerakan protes. Seorang wanita muda, Mya Thwe Khaing, menjadi penunjuk perasaan pertama yang terbunuh apabila beliau ditembak di kepala oleh penembak tepat tentera. Kematian beliau bukan sahaja mengejutkan masyarakat antarabangsa, tetapi juga menjadikannya simbol awal keberanian dan pengorbanan dalam perjuangan menentang junta. Bagi ramai rakyat Myanmar, khususnya golongan wanita, peristiwa ini melambangkan bahawa tubuh wanita tidak lagi sekadar subjek yang dikawal oleh norma patriarki dan negara, tetapi turut menjadi tapak perlawanan dan pengorbanan demi perubahan generasi akan datang. Selain itu, terdapat usaha sistematik untuk mendiskreditkan wanita yang terlibat, termasuk menyebarkan propaganda bahawa mereka “memalukan bangsa” dengan menodai tradisi, sehari selepas bermulanya protes Revolusi Htamein, akhbar kerajaan *The Global New Light of Myanmar* (9 Mac 2021) menerbitkan kenyataan rasmi yang mengecam penggunaan htamein dan produk kebersihan wanita (pad haid) dalam demonstrasi. Menurut laporan tersebut, pihak berkuasa menemui peserta yang menggantung pakaian wanita dan produk kebersihan di jalan raya, khususnya di Bandar Sanchaung, Yangon, pada 8 Mac 2021. Tindakan ini digambarkan sebagai perbuatan sengaja untuk tidak menghormati para sami serta mencemarkan Sasana (agama Buddha). Kenyataan itu turut menegaskan bahawa pihak berkuasa akan mengambil tindakan undang-undang terhadap sesiapa sahaja yang didakwa cuba merosakkan kesucian Sasana, menurut pengumuman yang dikeluarkan oleh pasukan polis. Namun, reaksi keras ini akhirnya menambah legitimasi kepada gerakan wanita, kerana ia menunjukkan betapa rapuhnya rejim terhadap simbol yang kelihatan kecil tetapi sangat berkuasa dari segi makna.

Walaupun simbolisme htamein berjaya menarik perhatian global, gerakan ini juga menghadapi cabaran. Pertama, ia berisiko dipandang sebagai simbol semata-mata tanpa perubahan struktur sebenar dalam politik gender Myanmar. Kedua, terdapat perdebatan dalaman dalam kalangan aktivis wanita mengenai sejauh mana htamein benar-benar membebaskan, atau hanya memperkukuh peranan wanita sebagai “simbol” dalam revolusi tanpa akses kepada kepimpinan politik yang nyata. Revolusi Sarong turut berjaya menarik penyertaan dan sokongan daripada sekutu lelaki. Analisis daripada organisasi wanita di lapangan menekankan bahawa pergerakan ini tidak pernah meletakkan lelaki sebagai ‘musuh.’ Sebaliknya, tumpuannya adalah pada pembongkaran sistem yang mengekalkan ketidaksamaan gender, keganasan seksual, dan dominasi ketenteraan. Melalui tindakan simboliknya, gerakan ini mendedahkan bahawa norma jantina sebenarnya bersifat binaan sosial dan tidak semula jadi, sambil menyingkap ironi logik tentera yang kononnya gagah tetapi takut kepada pakaian wanita dan selain itu, generasi muda wanita tampil berani mempertikaikan pelbagai struktur masyarakat, termasuk patriarki, stereotaip gender, serta tuntutan keseragaman budaya (Mohanty,

2005). Dalam Revolusi Sarong atau juga disebut sebagai Revolusi Htamein, beberapa penunjuk perasaan lelaki yang turut membina penghadang daripada htamein sendiri memilih untuk tidak melintasi di bawahnya. Hal ini memperlihatkan kesukaran mereka untuk memisahkan diri daripada sistem kepercayaan yang telah terinternalisasi sejak kecil, iaitu kepercayaan mengenai potensi “pencemaran” yang dikaitkan dengan tubuh wanita. Fenomena ini menunjukkan bagaimana patriarki bukan sekadar berfungsi sebagai struktur luaran, tetapi turut meresap ke dalam kesedaran individu sehingga membentuk corak pemikiran dan tindakan harian (Mra dan Hedström, 2024). Ini juga telah mengukuhkan lagi teori gender performativity yang dikatakan oleh Butler, penolakan untuk melintasi htamein ini dapat difahami sebagai pengulangan norma gender yang diinstitusikan oleh masyarakat, di mana tubuh lelaki dan wanita ditentukan oleh peranan serta batasan yang dianggap wajar. Dengan demikian, tindakan simbolik ini bukan sekadar refleksi kepercayaan budaya, tetapi juga memperkukuh semula hierarki gender yang sedia ada melalui perbuatan yang kelihatan rutin.

Cabaran lain ialah kesinambungan gerakan htamein ini. Sejak 2022, penindasan junta semakin ganas, dan banyak aktivis wanita dipaksa bersembunyi atau melarikan diri ke sempadan. Hal ini menimbulkan persoalan tentang bagaimana simbolisme dapat dikekalkan dalam jangka masa panjang. Walaupun berhadapan risiko dan cabaran, legasi htamein tetap kuat. Ia kini menjadi sebahagian daripada ingatan kolektif revolusi Myanmar. Imej wanita dengan htamein di barisan depan protes banyak dijadikan mural, poster solidariti, serta dipamerkan dalam pameran seni antarabangsa. Di mata dunia, htamein tidak lagi sekadar pakaian tradisional, tetapi ikon feminisme Asia Tenggara yang berakar pada budaya tempatan. Selain itu, htamein telah memberi inspirasi kepada gerakan wanita di rantau lain untuk menggunakan simbol budaya mereka sendiri sebagai alat politik. Fenomena ini menegaskan bahawa pakaian dan tubuh bukan sahaja ruang kawalan, tetapi juga ruang kreativiti dan perlawanan. Keberkesanan htamein sebagai simbol perlawanan terletak pada sifatnya yang fleksibel namun ia boleh menjadi penghadang jalan, karya seni, bahan digital, atau naratif sejarah. Selepas 2024, walaupun junta terus menindas, simbolisme ini diyakini akan kekal dalam memori revolusi Myanmar. Ia mungkin tidak lagi muncul secara besar-besaran di jalan raya, tetapi tetap hidup dalam seni, penulisan, dan wacana feminis. Diketuai terutamanya oleh wanita muda berusia antara lapan belas hingga tiga puluh lima tahun, slogan mereka 'Nga Doh Htamein, Nga Doh Ah Lan, Nga Doh Aung Bwe' (Our Htamein, Our Flag, Our Victory) berfungsi sebagai cabaran langsung terhadap struktur sosial patriarki serta nilai konservatif yang menjadi asas kepada autoritarianisme tentera (Marlar dan Chambers, 2023). Slogan ini bukan sahaja menyatukan identiti kolektif wanita dalam gerakan penentangan, tetapi juga menegaskan transformasi htamein daripada objek domestik kepada simbol politik. Dengan mengangkat pakaian tradisional wanita sebagai ‘bendera perjuangan’, wanita Myanmar menolak kedudukan mereka sebagai gender kedua dan menuntut ruang dalam wacana politik yang sebelum ini didominasi lelaki. Oleh itu, slogan ini mencerminkan bukan sekadar keberanian untuk menentang rejim tentera, tetapi juga usaha mendekolonisasi simbol budaya bagi membentuk naratif baharu tentang kuasa, emansipasi, dan gerakan wanita dalam revolusi.

Women’s Alliance Burma (WAB) telah ditubuhkan sebagai kumpulan penyelaras protes yang menyatukan pelbagai organisasi wanita serta bentuk penyertaan mereka sepanjang revolusi, meskipun gerakan penentangan tidak mempunyai kepimpinan yang jelas, wanita daripada komuniti etnik minoriti muncul sebagai tokoh penting dalam perhimpunan di Yangon dan bandar-bandar utama lain. Mereka bukan sahaja

mengangkat agenda anti-rampasan kuasa, tetapi juga menuntut pembentukan sebuah persekutuan Myanmar pada masa hadapan yang mengiktiraf hak etnik, kumpulan minoriti, dan wanita Myanmar secara keseluruhan (Marlar dan Chambers, 2023). Peranan wanita yang menonjol dalam penentangan terhadap pemerintahan tentera merupakan hasil daripada proses mobilisasi berdekad-dekad, khususnya sepanjang tempoh reformasi politik yang telah membuka ruang bagi kumpulan dan rangkaian kumpulan organisasi wanita dalam negara untuk memperluas aktiviti, fokus, dan capaian mereka. Namun, rampasan kuasa tentera yang berlaku secara tiba-tiba pada Februari 2021 telah menghentikan segala usaha yang bertujuan melibatkan wanita dalam penggubalan dasar, tadbir urus, atau kempen terbuka untuk memperjuangkan hak wanita. Selepas kudeta, pembela hak asasi wanita menjadi antara sasaran utama tindakan keras, termasuk penangkapan, bersama aktivis lain dan ahli politik pembangkang. Sebagai tindak balas terhadap penindasan dan keganasan negara yang meluas, gerakan protes turut beralih ke ruang dalam talian. Wanita muda melancarkan kempen digital yang dikenali sebagai "Sisters2Sisters", sebagai satu bentuk aktivisme maya yang menzahirkan solidariti dengan penunjuk perasaan serta tahanan politik yang menjadi mangsa keganasan (Prasse-Freeman, 2023).

Penentangan terhadap idea, norma, dan struktur yang menindas, wanita dari pelbagai latar belakang di Myanmar telah menemukan titik persamaan. Bagi kebanyakan mereka, gerakan protes bukan sekadar perjuangan menentang rampasan kuasa tentera, tetapi juga sebuah revolusi yang bertujuan mencabar norma patriarki yang berakar umbi dalam masyarakat (Mra dan Hedström, 2024). Walaupun berdepan ancaman terhadap keselamatan dan kehidupan, wanita dari segenap lapisan masyarakat bangkit menentang pemerintahan diktator tentera melalui pelbagai bentuk penentangan sama ada sebagai penunjuk perasaan di barisan hadapan mahupun sebagai aktivis di media sosial. Secara terbuka dan lantang, mereka bukan sahaja menyeru perubahan terhadap norma jantina, tetapi juga menuntut untuk memansuhkan Perlembagaan 2008 serta pengiktirafan hak, tuntutan, dan sejarah kewarganegaraan etnik. Dalam jangka masa panjang, htamein berpotensi menjadi naratif penting yang menyatukan perjuangan demokrasi Myanmar dengan agenda emansipasi wanita. Dengan kata lain, ia adalah legasi revolusi yang tidak hanya menentang rejim tentera, tetapi juga menentang struktur patriarki yang lebih luas. Kempen Revolusi Htamein harus difahami sebagai permulaan kepada sebuah revolusi budaya feminis yang lebih luas di Myanmar, yang berusaha merombak konsep hpon iaitu kepercayaan sosial yang berakar bahawa lelaki dianggap lebih unggul dan wajar diperlakukan secara berbeza daripada wanita (Marlar dan Chambers, 2023). Penolakan terhadap konsep ini bukan sahaja mencabar struktur patriarki dalam masyarakat, tetapi juga berfungsi sebagai strategi politik dan simbolik untuk menyingkap kelemahan rejim tentera, yang masih berpegang pada mitos gender tradisional. Melalui tindakan kreatif ini, wanita Myanmar menegaskan bahawa perjuangan menentang diktator tidak dapat dipisahkan daripada perjuangan menentang norma jantina yang menindas.

## **Kesimpulan**

Pengalaman wanita Myanmar dalam tempoh 2021–2024 memperlihatkan bahawa perjuangan menentang rejim tentera bukan sahaja berlaku di medan politik dan ketenteraan, tetapi juga di ruang budaya dan simbolik. Htamein, yang pada asalnya dikaitkan dengan kesopanan, domestikasi, dan subordinasi feminin, telah diubah

maknanya menjadi alat perjuangan yang penuh kuasa. Melalui tindakan menggantung, mempamerkan, dan mengangkat htamein sebagai simbol, wanita Myanmar berjaya menentang bukan sahaja dominasi junta tentera, tetapi juga struktur patriarki yang berakar umbi dalam masyarakat mereka. Penggunaan htamein sebagai bahasa visual revolusi menunjukkan bahawa objek budaya harian boleh dimobilisasi sebagai senjata politik yang berkesan. Ia juga menegaskan bahawa emansipasi wanita tidak boleh dipisahkan daripada perjuangan demokrasi yang lebih luas. Dalam konteks Myanmar, wanita telah membuktikan bahawa mereka bukan sekadar mangsa penindasan, tetapi pencipta makna, simbol, dan naratif sejarah. Walaupun junta berusaha mematahkan gerakan ini melalui penangkapan, intimidasi, dan propaganda, htamein telah meninggalkan jejak yang mendalam dalam ingatan kolektif masyarakat Myanmar. Simbol ini terus hidup dalam karya seni, media digital, dan wacana feminis di peringkat serantau dan global. Justeru, legasi htamein tidak hanya relevan kepada konteks Myanmar, tetapi juga menjadi inspirasi bagi gerakan wanita di seluruh dunia yang berusaha membalikkan makna budaya sebagai medium emansipasi. Kesimpulannya, “revolusi dalam lipatan htamein” mencerminkan bahawa emansipasi boleh lahir daripada ruang yang kelihatan kecil, seakan remeh, namun apabila dimaknai semula, ia mampu menggugat kuasa autoritarian dan membuka jalan ke arah masa depan yang lebih setara dan demokratik. Slogan “Nga Doh Htamein, Nga Doh Ah Lan, Nga Doh Aung Bwe” (Our Sarong, Our Flag, Our Victory) melambangkan transformasi htamein (sarung wanita) daripada pakaian tradisional yang sering dikaitkan dengan sfera domestik kepada simbol politik dan nasionalisme baharu dalam perjuangan rakyat Myanmar. Rumusan ini memperlihatkan bahawa perjuangan demokrasi di Myanmar bukan sekadar menentang rampasan kuasa tentera, tetapi turut merangkum revolusi budaya dan gender yang menuntut pengiktirafan terhadap kesetaraan dan keadilan sosial.

### **Penghargaan**

Penyelidik merakamkan setinggi penghargaan kepada pihak Pusat Pengurusan Penyelidikan UMS, Universiti Malaysia Sabah atas peruntukan geran penyelidikan menerusi “UMSGreat” (Kod Geran GUG0626-1/2023).

### **Konflik Kepentingan**

Penulis mengesahkan tidak terdapat sebarang konflik kepentingan melibatkan mana-mana pihak dalam penghasilan makalah ini.

### **RUJUKAN**

- [1] Burke, P. (2005). *History and social theory*. – Polity 209p.
- [2] Butler, J. (2021): *Excitable speech: A politics of the performative*. – Routledge 212p.
- [3] Butler, J., Trouble, G. (1990): *Feminism and the Subversion of Identity*. – *Gender Trouble* 3(1): 3-17.
- [4] Egreteau, R. (2012): *Burma in diaspora: a preliminary research note on the politics of Burmese diasporic communities in Asia*. – *Journal of Current Southeast Asian Affairs* 31(2): 115-147.

- [5] El Said, M., Meari, L., Pratt, N. (2015): *Towards New Epistemologies and Ontologies of Gender and Socio-Political Transformation in the Arab World*. – *Rethinking gender in revolutions and resistance: Lessons from the Arab world*, Zed Books 32p.
- [6] Enloe, C. (2000): *Maneuvers: The international politics of militarizing women's lives*. – University of California Press 418p.
- [7] Ferguson, J.M. (2023): *Editor's Note: Special Issue: Gender and Social Change in Myanmar*. – *Journal of Burma Studies* 27(1): 1-27.
- [8] Gaborit, L.S. (2021): *Dancing with the Junta Again: Mistreatment of Women Activists by the Tatmadaw Following the Military Coup in Myanmar*. – *Anthropology in Action* 28(2): 51-56.
- [9] Geertz, C. (1973): *Thick description: Toward an interpretive theory of culture*. – *The Interpretation of Cultures: Selected Essays/Basic Books* 17p.
- [10] Gender Equality Network (GEN) (2015): *Raising the curtain: Cultural norms, social practices and gender equality in Myanmar*. – GEN 168p.
- [11] Ikeya, C. (2006): *Gender, history and modernity: representing women in twentieth century colonial Burma*. – Cornell University 256p.
- [12] Jordt, I., Than, T., Lin, S.Y. (2021): *How generation Z galvanized a revolutionary movement against Myanmar's 2021 military coup*. – ISEAS-Yusof Ishak Institute 43p.
- [13] Marlar, E., Chambers, J. (2023): *Our Htamein, Our Flag, Our Victory: Young Women in Myanmar's Spring Revolution*. – *Journal of Burma Studies* 27(1): 65-99.
- [14] Mohanty, C.T. (2005): *Feminism without borders: Decolonizing theory, practicing solidarity*. – Zubaan 298p.
- [15] Mra, K.K., Hedström, J. (2024): *"This bra protects me better than the military": Bodies and protests in the Myanmar spring revolution*. – *Journal of Contemporary Asia* 54(5): 759-780.
- [16] Othman, Z. (2004): *Understanding ethnic conflict in Myanmar (Burma) from a human rights perspective*. – *Jebat* 31: 179-202.
- [17] Prasse-Freeman, E. (2023): *Rights refused: Grassroots activism and state violence in Myanmar*. – Stanford University Press 366p.
- [18] Scott, J.C. (1990): *Domination and the arts of resistance: Hidden transcripts*. – Yale University Press 273p.
- [19] Scott, J.C. (1985): *Weapons of the weak: Everyday forms of peasant resistance*. – Yale University Press 422p.
- [20] Than, T., Han, P.L., Lei, S. (2018): *Lost in translation: feminism in Myanmar*. – *Independent Journal of Burmese Scholarship* 5: 1-12.
- [21] Wai, H. (2024): *Struggles of a woman armed revolutionary*. – *Independent Journal of Burmese Scholarship* 4: 172-179.